



Kementerian Kesihatan
Malaysia




MyHEALTH
for life

www.myhealth.gov.my



Garis Panduan Pengurusan Kualiti
Portal MyHEALTH
BAHAGIAN PENDIDIKAN KESIHATAN



Garis Panduan Pengurusan Kualiti Portal MyHEALTH merupakan sumber rujukan kepada pihak pengurusan portal bagi melaksanakan tugas dalam memantau penghasilan kandungan yang lebih berkualiti. Ia juga menjadi panduan dan rujukan kepada golongan penulis, penterjemah, akreditor dan jawatankuasa editorial yang telah dilantik bagi menghasilkan kandungan mengikut format tatacara penulisan laman web. Garis panduan ini juga menjelaskan proses dan tatacara kerja dalam penghasilan topik kesihatan seperti aspek pelantikan, gaya penulisan, kaedah terjemahan, pemilihan topik dan juga pembayaran kewangan.

Edisi Kemas Kini 2013



Seulas Bicara

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membuka peluang untuk berkomunikasi dengan lebih cepat dan mudah. Dalam dunia ICT, Internet merupakan saluran penyampaian sumber maklumat yang amat penting dalam kalangan masyarakat. Melalui portal MyHEALTH, Kementerian Kesihatan Malaysia berharap dapat menyediakan maklumat yang berguna melalui pelbagai perkhidmatan yang disediakan dalam portal ini.

Bagi memastikan sumber maklumat yang disampaikan melalui portal ini adalah tepat, terkini, interaktif, informatif, mudah difahami dan relevan, satu garis panduan pengurusan kualiti portal MyHEALTH telah diwujudkan. Garis Panduan ini akan membantu dalam proses membangunkan kandungan yang berkualiti untuk masyarakat. Ia juga akan menjadi rujukan bagi memudahkan individu dan golongan pakar yang telah dilantik dalam melaksanakan tugas sebagai penulis, penterjemah dan akreditor. Justeru itu adalah diharapkan garis panduan ini akan membantu pihak pengurusan portal untuk membekalkan satu sumber maklumat kesihatan yang lengkap kepada masyarakat.

Saya juga amat mengalu-alukan sumbangan individu dan golongan pakar dalam menyumbang kepakaran mereka dalam bentuk penulisan bagi meningkatkan tahap kesihatan masyarakat.

Semoga kewujudan portal MyHEALTH ini mampu menjadi inspirasi kepada semua warga masyarakat untuk menjaga kesihatan sejagat. Diharapkan juga dengan wujudnya garis panduan ini, kumpulan pengurusan portal khususnya golongan penulis, penterjemah dan akreditor dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih cemerlang dan mencapai objektif portal ini khasnya dalam mempertingkatkan era pendidikan kesihatan di negara ini melalui pendekatan ICT. Di samping itu, usaha penambahbaikan dari segi pelaksanaan garis panduan ini hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa agar kualiti kandungan portal terus terjamin.

Sekian.

Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia



Sekapur Sirih

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera

Seiring dengan langkah transformasi perkhidmatan awam bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat, Internet merupakan kaedah komunikasi yang berkesan. Portal MyHEALTH akan memudahkan masyarakat untuk mengakses maklumat kesihatan yang diperlukan dalam kadar segera. Namun begitu, kredibiliti kandungan atau maklumat kesihatan perlulah tepat, terkini dan berkualiti. Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana Garis Panduan Pengurusan Kualiti Portal MyHEALTH telah berjaya diterbitkan oleh Unit Health Online, Bahagian Pendidikan Kesihatan.

Garis Panduan ini bertujuan untuk memudahkan semua pihak yang terlibat dalam pengurusan portal MyHEALTH terutamanya bagi golongan penulis, penterjemah dan akreditor yang telah dilantik mendapat panduan dalam penghasilan topik-topik kesihatan. Menjadi tanggungjawab bersama semua pihak yang terlibat dalam memastikan kualiti kandungan yang terdapat dalam portal MyHEALTH adalah tepat, terkini dan boleh dipercayai.

Lantaran itu, penerbitan Garis Panduan Pengurusan Kualiti Portal MyHEALTH diharap dapat memberi manfaat dan membantu semua pihak yang terlibat bagi memastikan pengurusan portal ini dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Bahagian Pendidikan Kesihatan dan semua yang telah terlibat dalam menghasilkan garis panduan ini. Diharapkan garis panduan ini dapat memacu kepada penghasilan isi kandungan yang terbaik bagi portal MyHEALTH dan seterusnya membantu masyarakat dalam mengamalkan penjagaan kesihatan yang berkesan.

Sekian.

Datuk Dr. Lokman Hakim bin Sulaiman
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
(Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Editorial Portal MyHEALTH)



Kata-Kata Auan

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera

MyHEALTH merupakan satu portal pendidikan kesihatan yang diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk membolehkan masyarakat menjaga kesihatan diri dan mendapat maklumat kesihatan dengan mudah dan tepat melalui Internet.

Perkhidmatan ini telah dilancarkan pada 25 April 2006 dan menyediakan topik-topik kesihatan meliputi kesihatan bayi dan kanak-kanak, remaja, dewasa, warga emas, kesihatan pergigian, pemakanan, ubat dan anda serta kesihatan mental. Di samping itu, portal ini juga memberikan perkhidmatan lain seperti tanya pakar, penilaian risiko kesihatan, galeri media kesihatan, soalan lazim, undian dan direktori kesihatan. Maklumat dalam portal ini juga sentiasa ditambah dan dikemas kini dari setahun ke setahun bagi memastikan ia sentiasa lengkap dan terkini.

Bersandarkan kepada matlamat ini, Garis Panduan Pengurusan Kualiti Portal MyHEALTH ini adalah sangat penting dalam memastikan semua kandungan dalam portal ini terjamin dari segi kualiti, ketepatan dan kesahihan maklumatnya. Pihak yang terbabit dalam pengurusan portal perlu mematuhi garis panduan ini dalam proses kerja mereka. Semoga garis panduan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak yang terlibat.

Sebagai agensi pelaksana, bahagian ini juga akan sentiasa memantau dan mengenal pasti kelemahan yang mungkin timbul untuk tujuan penambahbaikan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Haji Abdul Jabar bin Ahmad
Pengarah
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

KANDUNGAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN KUALITI PORTAL MyHEALTH

Seulas Bicara	ii
Sekapur Sirih	iii
Kata-Kata Aluan	iv
Kandungan	v

Kandungan

1. Pengenalan	1
2. Kriteria Kualiti dan Etika	
2.1 Kewibawaan	2
2.2 Ehsan	2
2.3 Sulit	2
2.4 Atribusi	2
2.5 Justifikasi	3
2.6 Ketelusan Pengkaryaan	3
2.7 Ketelusan Penajaan	3
2.8 Kejujuran pengiklanan/Polisi Penyunting	3
3. Gaya Penulisan	
3.1 Pendek dan Tepat	4
3.2 Tajuk yang Berkesan	5
3.3 Gunakan Subtajuk	5
3.4 Gunakan Bahasa yang Canggih Lagi Unik	5
3.5 Perenggan	5
3.6 Pastikan Ayat Ringkas	6
3.7 Kata Carian (<i>Keyword</i>)	6
3.8 Panduan Lain	7
3.9 Rangkaian atau Pautan	7
3.10 Ilustrasi dan Media Lain	7
3.11 Pengemaskinian Kandungan	7
3.12 Format Penulisan	8

4.	Kaedah Penterjemahan	
4.1	Prinsip-prinsip Terjemahan	8
4.2	Teknik Penterjemahan	8
4.2.1	Penterjemahan Kata Demi Kata	9
4.2.2	Penterjemahan Literal	9
4.2.3	Penterjemahan Setia	9
4.2.4	Penterjemahan Semantik	9
4.2.5	Penterjemahan Bebas	9
4.2.6	Penterjemahan Idiomatik	9
4.2.7	Penterjemahan Komunikatif	10
4.3	Sumber Rujukan Penterjemahan	10
5.	Keaslian dan Kaedah Rujukan	10
6.	Kredibiliti Penulis, Penterjemah dan Akreditor	10
7.	Pengurusan Kualiti Portal MyHEALTH	
7.1	Jawatankuasa Editorial	12
7.2	Kumpulan Pakar	13
7.3	Jawatankuasa Pelaksana	13
7.4	Unit Health Online	14
8.	Peranan dan Bidang Tugas Penulis, Penterjemah dan Akreditor	15
8.1	Penulis	15
8.2	Penterjemah	16
8.3	Akreditor	16
9.	Carta Aliran dan Proses Kerja Pemantauan Kualiti Kandungan	17
9.1	Carta Aliran Pemantauan Kualiti Kandungan	17
9.2	Proses Kerja Pemantauan Kualiti Kandungan	18
10.	Carta Aliran Proses Kerja Perolehan Kandungan	20
10.1	Carta Aliran Perolehan Kandungan	20
10.2	Proses Kerja Perolehan Kandungan	21
11.	Carta Aliran dan Proses Kerja Mengemas Kini Kandungan	23
11.1	Carta Aliran Mengemas Kini Kandungan	23
11.2	Proses Kerja Mengemas Kini Kandungan	24

12.	Kelulusan Pembayaran Sagu Hati Kepada Penulis, Penterjemah dan Akreditor	26
13.	Carta Aliran dan Proses Kerja Pembayaran Sagu Hati Penulis atau Penterjemah atau Akreditor	27
13.1	Carta Aliran Pembayaran Sagu Hati	27
13.2	Proses Kerja Pembayaran Sagu Hati	28

Senarai Lampiran

Lampiran 1	: Format Penulisan	29
Lampiran 2	: Gaya Rujukan APA	30
Lampiran 3	: Ahli Jawatankuasa Editorial Portal MyHEALTH	53
Lampiran 4	: Ahli Jawatankuasa Pelaksana Portal MyHEALTH	56
Lampiran 5	: Ahli Unit Health Online	58
Lampiran 6	: Surat Akuan Pengesahan Hasil Penulisan atau Terjemahan	60
Lampiran 7	: Surat Akuan Pengesahan Hasil Semakan	61
Lampiran 8	: Format Penulisan Kandungan	62
Lampiran 9	: Format Biografi Penulis	63
Lampiran 10	: Format Soalan Kuiz	64
Lampiran 11	: Borang Tuntutan Pembayaran Sagu Hati Penulis Penterjemah Akreditor	65
Lampiran 12	: Contoh Surat Perlantikan	68
Lampiran 13	: Borang Profil Penulis, Penterjemah Akreditor	74
Lampiran 14	: Contoh Hasil Penulisan	75

1. Pengenalan

Era penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) nyata telah mampu membuka peluang kepada sistem komunikasi yang lebih pantas dan mudah. Dalam bidang kesihatan, Internet telah menjadi saluran penyampai sumber maklumat yang amat penting kepada masyarakat di seluruh dunia.

Maklumat kesihatan juga sentiasa berubah hasil daripada penemuan penyelidikan baru dan kemajuan teknologi. Oleh yang demikian, maklumat yang terkini, sentiasa dikemas kini dan berkualiti dalam sesebuah portal sangat penting untuk masyarakat.

Nielson (2010), dalam kajiannya di Australia mendapati bahawa antara 10 aktiviti utama golongan masyarakat berumur 16 tahun dan ke atas menggunakan Internet adalah untuk mencari maklumat kesihatan. Antara tujuan mereka adalah untuk mengumpul maklumat kesihatan, mencari rawatan perubatan alternatif, mendapatkan pandangan kedua dan berkongsi ilmu melalui perkhidmatan forum dalam talian.

Pencarian maklumat kesihatan dan perubatan melalui Internet dapat membantu individu dan masyarakat membuat keputusan yang lebih baik berkaitan kesihatan diri dan keluarga. Walau bagaimanapun perkara ini bukanlah cara untuk mereka mengelak daripada berjumpa dengan doktor dan maklumat yang diperolehi juga tidak boleh dijadikan sumber untuk mendiagnosis sendiri penyakit .

Maklumat kesihatan dalam Internet boleh menjadi sangat berguna dan mampu menyakinkan kita untuk membuat keputusan kesihatan yang penting. Namun begitu, memandangkan terlalu banyak maklumat yang boleh didapati melalui Internet, jurnal dan sumber-sumber lain, maka, penting untuk masyarakat menilai kualitinya sebelum digunakan.

Kewujudan laman-laman web kesihatan perlu dikawal selia mengikut satu set kawalan etika bagi memastikan pengguna mendapat maklumat kesihatan yang dijamin.

Portal MyHEALTH merupakan salah satu daripada 7 Aplikasi Perdana *Multimedia Super Coridor* (MSC)-Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah dibangunkan oleh Bahagian Telekesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Telekesihatan pada 7 Ogos 2006 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Kesihatan telah bersetuju untuk menyerahkan portal ini kepada Bahagian Pendidikan Kesihatan sepenuhnya pada tahun 2007 untuk tujuan penyelenggaraan dan pengoperasian perkhidmatan.

Portal ini dibangunkan sebagai kaedah baharu untuk menyampaikan maklumat kesihatan dengan tujuan untuk menambah ilmu pengetahuan, membentuk kesedaran dan kemahiran serta menggalakkan perubahan tingkah laku dan sikap dalam kalangan orang ramai supaya menjaga kesihatan. Portal MyHEALTH telah mula beroperasi pada tahun 2005 dan dirasmikan oleh Datin Paduka Seri Rosmah Mansor sempena Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2006.

Sehingga bulan November 2013, terdapat 967 tajuk dalam bahasa Inggeris dan 938 tajuk dalam bahasa Malaysia telah dimuat naik ke Portal MyHEALTH. Antara perkhidmatan utama yang ditawarkan ialah tanya pakar, penilaian risiko kesihatan, galeri media kesihatan, acara dan aktiviti kesihatan serta amaran kesihatan. Sepanjang tempoh tersebut juga, reka bentuk portal MyHEALTH telah berubah selaras dengan keperluan dan penambahan perkhidmatan.

2. Kriteria Kualiti dan Set Etika

Dalam konteks ini, Portal MyHEALTH mematuhi kriteria-kriteria penentuan kualiti yang ketat dan perlu dipatuhi setiap masa untuk memastikan kandungan portal MyHEALTH sentiasa tepat, terkini dan berkualiti. Kaedah kawalan kualiti dan set etika yang digunakan ialah *HON Code of Conduct (HONcode) for medical and health Web sites*.

2.1 Kewibawaan

Sebarang nasihat perubatan dan kesihatan yang disediakan dan dihoskan di portal ini diperoleh hanya daripada profesional perubatan yang terlatih dan berkelayakan, melainkan dinyatakan dengan jelas yang nasihat tersebut datangnya dari sumber individu atau organisasi yang bukan berkelayakan dalam bidang perubatan.

2.2 Ihsan

Maklumat yang disediakan dalam portal ini dibentuk bertujuan untuk menyokong, bukannya mengganti hubungan yang sedia terjalin antara pesakit/pelawat portal ini dengan doktor mereka.

2.3 Sulit

Data atau maklumat sulit termasuk identiti setiap pesakit dan pelawat portal perubatan/kesihatan ini adalah dilindungi. Pemilik portal beraku janji untuk mematuhi atau memenuhi keperluan perundangan privasi maklumat perubatan/kesihatan yang diguna pakai di negara ini dan menyatakan di mana laman web tersebut atau laman-laman web yang sama dengannya (*mirror site*) diletakkan.

2.4 Atribusi

Maklumat yang terkandung di portal ini, mana-mana yang sesuai, akan diperkuat dengan rujukan yang jelas mengenai sumber datanya dan mana-mana yang dirasakan perlu, akan disediakan pautan tertentu ke data tersebut. Tarikh bila halaman klinikal ini dipinda atau diubah suai akan dipamerkan dengan jelas (di bawah halaman berkenaan).

2.5 Justifikasi

Sebarang dakwaan mengenai faedah/perlaksanaan usaha-usaha tertentu, produk atau khidmat dagangan, hendaklah disokong oleh bukti-bukti yang tepat dan munasabah sepertimana yang dihuraikan dalam Prinsip 2.4 di atas.

2.6 Ketelusan Pengkaryaan

Para pereka portal ini akan menyediakan maklumat yang jelas berserta alamat untuk dihubungi oleh pelawat-pelawat yang ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut atau bantuan tertentu. Penyelenggara portal akan memaparkan dengan jelas alamat e-melnya di seluruh portal.

2.7 Ketelusan Penajaan

Sokongan terhadap portal ini akan dimaklumkan dengan jelasnya termasuk identiti organisasi - organisasi dagangan atau bukan dagangan yang turut menyumbang dana, khidmat atau bahan-bahan lain di portal.

2.8 Kejujuran pengiklanan/Polisi Penyunting

Jika pengiklanan merupakan sumber dana yang diperoleh, hal ini akan dinyatakan dengan jelas. Penerangan ringkas berhubung polisi pengiklanan yang diamalkan oleh pemilik-pemilik laman web atau portal akan dipaparkan di portal. Pengiklanan dan bahan-bahan promosi lain akan dimaklumkan kepada pengguna dengan cara atau mengikut hubungan yang dapat mempermudah perbezaan antara bahan tersebut dengan bahan asalnya yang dihasilkan oleh institusi pengendali portal.

3. Gaya Penulisan

Menulis untuk web tidak sama seperti menulis untuk media cetak kerana pengguna membaca secara berbeza apabila mereka melayari laman web atau portal. Salah satu sebab adalah dari aspek fizikal iaitu agak sukar untuk pengguna membaca di atas skrin. Sebaik mana pun monitor yang digunakan, agak sukar untuk dibaca berbanding dengan membaca majalah yang dicetak di atas kertas glosi umpamanya. Semakin panjang bahan atau artikel itu maka semakin sukarlah untuk dibaca.

Di samping kesukaran untuk membaca di atas skrin, aspek tingkah laku pengguna juga agak berbeza dari segi cara mereka membaca. Banyak kajian yang dijalankan mendapati pengguna akan membuat imbasan dahulu tanpa membaca terus.

Menurut Jakob Nielsen, pembaca mengimbas teks pada laman web bagi memudahkan pembacaan. Pengguna menumpukan pada penggunaan tajuk, sub-tajuk, kata kunci, penggunaan perenggan, penggunaan *bullet*, pautan dan penulisan kaedah piramid terbalik.

Mereka akan mula melompat-lompat dari satu bahagian ke bahagian lain, *scrolling* dan *clicking*. Jari mereka sentiasa bersedia untuk menekan butang ke depan dan ke belakang tanpa membaca. Setelah menemui maklumat yang diperlukan, pada kebiasaannya mereka akan mencetak dahulu dan membacanya dalam bentuk cetakan. Untuk itu, gaya penulisan juga perlu disesuaikan mengikut kaedah yang berbeza.

3.1 Pendek dan Tepat

Penulisan yang dihasilkan perlulah pendek, ringkas dan padat. Tidak perlu menggunakan ayat yang panjang jika maksud dan mesej boleh disampaikan dengan hanya menggunakan ayat yang pendek. Penceritaan perlu diringkaskan tanpa mencatatkan struktur ayat.

- a) Satu cara untuk meringkaskan bahan tulisan ialah dengan mengambil kira kehendak pengguna dalam setiap masa. Kita tidak perlu menyampaikan semua yang kita tahu tetapi memberikan tumpuan kepada apa yang pengguna inginkan.
- b) Penulis juga boleh mengurangkan penggunaan adjektif dan adverba untuk memendekkan ayat. Kedua-dua unsur ini kadang kala hanya memanjangkan ayat atau perenggan tanpa membawa sebarang makna tambahan kepada ayat.
- c) Terus kepada maklumat yang ingin disampaikan merupakan satu lagi kaedah yang boleh digunakan dalam penulisan untuk laman web atau portal. (*Be Direct*)
- d) Kata pembukaan (*anecdotal introduction*) adalah sangat penting. Tumpukan lebih banyak masa untuk membentuk ayat pertama ini bagi menarik perhatian pembaca untuk terus membaca.

3.2 Tajuk yang Berkesan

Bagi laman web atau portal, tajuk adalah sangat penting untuk menentukan sesuatu maklumat itu dapat dicari dan dibaca atau tidak. Pertama sekali, tajuk yang tepat akan mudah dicari oleh enjin carian. Kedua tajuk ini akan dapat menggambarkan kandungan perenggan seterusnya.

Di samping itu, tajuk ini juga perlu pendek, ringkas dan tepat. Sebagai contoh, sekiranya ingin menulis berkaitan penjagaan kaki dalam kalangan pesakit diabetes maka, kata kunci yang perlu digunakan ialah *diabetes* dan *penjagaan kaki*, tidak perlu memasukkan perkataan-perkataan lain yang tidak perlu.

3.3 Gunakan Subtajuk

Subtajuk amat penting kepada pembaca kerana subtajuk memberikan petunjuk yang jelas tentang kandungan keseluruhan artikel tersebut. Pembaca akan lebih terarah kepada perenggan seterusnya dan meningkatkan minat untuk terus membaca sehingga ke akhir artikel.

Subtajuk juga perlu digunakan secara sederhana dan jangan terlalu banyak untuk mengelakkannya daripada hilang fungsi untuk memandu pembaca. Disyorkan setelah menulis 5 hingga 7 perenggan yang sederhana panjang, penulis boleh memulakan subtajuk yang baharu.

3.4 Gunakan Bahasa yang Canggih Lagi Unik

Dalam banyak keadaan, tajuk yang sensasi boleh menarik minat pembaca terhadap artikel tersebut. Walau bagaimanapun, harus berhati-hati agar tidak membawa maksud yang berlainan dan keterlaluan.

Penggunaan istilah, bahasa dan perkataan yang digunakan perlulah yang terkini dan mematuhi aspek tatabahasa yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

3.5 Perenggan

Sistem pemerenggan dalam penulisan bahan cetak dan web adalah berbeza. Pemerenggan yang baik dapat memastikan dokumen atau artikel yang ditulis menarik dan berkesan. Struktur dan susunan ayat perlu sesuai untuk pembacaan di laman web atau portal. Antara elemen penting yang perlu diberi perhatian ialah kepanjangan sesuatu perenggan.

Gunakan satu (1) perenggan untuk menyampaikan satu idea atau isi. Perenggan yang baik adalah antara 3 hingga 4 ayat sahaja. Tiada satu peraturan khusus dan tepat mengenai bilangan perkataan mahupun ayat dalam sesuatu perenggan sama ada untuk media cetak mahupun portal. Peraturan umum untuk perenggan di portal ialah pendek, ringkas dan tepat. Bilangan antara 9-11 perkataan dalam setiap perenggan adalah terbaik dan 15 perkataan adalah yang maksimum. Sila biasakan diri dengan menggunakan fasiliti *word count* di dalam *Microsoft Word*.

3.6 Pastikan Ayat Ringkas

Satu cara terbaik untuk memudahkan pengguna membaca artikel adalah dengan memastikan ayat yang digunakan ringkas dan tepat. Ayat yang panjang menyukarkan pembaca memahami mesej yang ingin disampaikan.

Penggunaan ayat yang panjang bagi mencipta ritma pada rencana boleh digunakan sekali-sekala bertujuan mengekalkan pembaca pada rencana itu. Penulis perlu fokus kepada penggunaan ayat aktif dan bersederhana semasa menulis menggunakan ayat pasif, konsisten menggunakan perkataan tertentu dalam rencana yang sama dan tingkatkan ayat positif dalam rencana.

3.7 Kata Carian (*Keyword*)

Penggunaan kata carian atau *keyword* sangat penting dalam penulisan artikel dalam Internet. Kata carian ialah perkataan yang digunakan oleh pengguna Internet untuk mencari sesuatu maklumat menggunakan enjin carian. Kata carian akan menggambarkan maklumat yang ada dalam sesebuah laman web atau portal. Portal yang diindeks oleh *web spider* akan dikategorikan berdasarkan kata carian yang kerap digunakan. Kata carian yang tepat dan baik bagi sesuatu portal adalah:

- a) Kata carian yang paling popular iaitu kata carian yang banyak dicari.
- b) Kurang saingan, iaitu kata carian yang kurang digunakan oleh portal lain.
- c) Mesti berkaitan dengan maklumat dalam portal.
- d) Mesti berkaitan. Jangan menggunakan kata umum atau kata dasar.

Contoh dan langkah untuk mencari kata carian:

- a) Taipkan perkataan berkaitan topik anda pada enjin carian. Contohnya, sekiranya anda ingin menulis berkaitan kencing manis, taipkan perkataan tersebut pada enjin carian seperti Google, Yahoo atau Chrome.
- b) Senarai laman web atau portal yang selalu dilayari oleh pengguna Internet akan dipaparkan.
- c) Salin atau *copy Uniform Resource Locator (URL)* dan gunakan *google keyword planner* untuk melihat kata carian yang sering dicari oleh pengguna.
- d) Gunakan kata carian tersebut untuk dimasukkan ke dalam penulisan.

3.8 Panduan Lain

a) Terma Teknikal

Penggunaan istilah teknikal hendaklah diminimumkan memandangkan kumpulan sasar Portal MyHEALTH ialah masyarakat umum. Sila sertakan istilah/glosari atau rangkaian untuk maklumat lanjut sekiranya perlu.

b) Nama Generik

Bagi nama-nama ubat sila gunakan nama generik. Jangan menggunakan jenama bagi mengelakkan mempromosi produk ubat-ubatan.

c) Ejaan

Sila gunakan sistem ejaan U.K English untuk Bahasa Inggeris (bukan sistem ejaan American English). Sila patuhi ejaan Dewan Bahasa dan Pustaka yang terkini untuk Bahasa Melayu.

d) Jadual

Sekiranya perlu, sila gunakan jadual. Pastikan jadual tepat dan logik. Letakkan tajuk yang tepat pada jalur dan baris.

3.9 Rangkaian atau Pautan

Rangkaian kepada sumber ketiga adalah perlu untuk memberi pengguna ruang untuk mendapat maklumat lanjut tentang sesuatu tajuk atau isu. Sumber ketiga ini hendaklah mempunyai kredibiliti.

3.10 Ilustrasi dan Media Lain

Untuk memberikan penjelasan yang lebih baik (bagi topik-topik tertentu), ilustrasi atau media lain disyorkan. Penulis dikehendaki memberikan atau mengesyorkan kepada urus setia cadangan media yang dicadangkan.

Saiz gambar atau ilustrasi yang boleh diletakkan dalam kandungan adalah sekurang-kurangnya 300-350 piksel lebar.

Penulis boleh menggunakan gambar atau ilustrasi yang diambil sendiri atau menggunakan gambar atau ilustrasi daripada sumber lain. Namun, gambar atau ilustrasi yang diambil daripada sumber lain perlu juga dituliskan rujukannya. Sila rujuk Lampiran 2.

3.11 Pengemaskinian Kandungan

Kekerapan kemas kini yang dicadangkan adalah dalam masa dua (2) tahun atau pada bila-bila masa sekiranya terdapat penemuan hasil kajian baharu, perubahan fakta terkini dan perubahan teknologi perubatan.

3.12 Format Penulisan

Penulisan kandungan mesti menggunakan jenis tulisan Arial, bersaiz 10 pt., langkau sebaris (*single spacing*). Bagi tajuk kandungan, saiz tulisan adalah 12 pt., ditebalkan dan menggunakan semua huruf besar. Bagi tajuk kecil isi kandungan pula, perlu menggunakan saiz 10 pt., ditebalkan dan menggunakan huruf besar pada setiap permulaan ayat. Bilangan minimum bagi setiap tajuk adalah tiga (3) muka surat dan maksimum lima (5) muka surat. Sila rujuk Lampiran 1.

4. Kaedah Penterjemahan

Penterjemah yang dilantik perlu mematuhi asas, teori dan teknik terjemahan yang ditetapkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Penterjemah perlu menguasai secara asas aspek-aspek berkaitan dengan:

- a) Tanda Baca dalam Daftar Istilah
- b) Sintaksis dalam Penterjemahan
- c) Simantik dalam Penterjemahan
- d) Peristilahan

4.1 Prinsip-prinsip Terjemahan

Etienne Dolet telah mengemukakan beberapa prinsip terjemahan. Penterjemah yang dilantik perlu mengambil kira prinsip-prinsip ini dalam terjemahan mereka. Prinsip-prinsip tersebut adalah:

- a) Penterjemah hendaklah benar-benar memahami isi dan hasrat penulis teks asal.
- b) Penterjemah mestilah menguasai dengan baik bahasa asal dan bahasa penerima terjemahan itu.
- c) Penterjemah tidak boleh menterjemah perkataan demi perkataan oleh sebab perbuatan itu akan merosakkan makna asal teks tersebut dan menyebabkan terjemahan itu tidak indah lagi apabila dibaca.
- d) Penterjemah hendaklah menggunakan bentuk-bentuk bahasa yang biasa digunakan dalam bahasa penerima untuk menggantikan bentuk-bentuk bahasa asalnya.
- e) Penterjemah mestilah mencipta semula kesan dan semangat keseluruhan teks asal.

4.2 Teknik Penterjemahan

Penterjemahan adalah sesuatu kerja yang membawa hubungan antara dua bahasa atau lebih (*multi-language*) yang mentransformasikan makna daripada bahasa sumber (BS) ke bahasa sasaran (BT), dengan membawa ketepatan mesej bagi menghasilkan produk terjemahan yang baik. Terdapat beberapa teknik terjemahan seperti yang berikut:

4.2.1 *Penterjemahan Kata Demi Kata*

Urutan kata dalam teks sumber diterjemahkan satu demi satu ke dalam teks sasaran tanpa mempertimbangkan kandungan konteks. Hasil terjemahan adalah sama dengan hasil terjemahan menggunakan mesin penterjemahan.

- *Contoh: I go to school. - Saya pergi ke sekolah*

4.2.2 *Penterjemahan Literal*

Pembinaan tatabahasa bahasa sumber diterjemahkan kepada padanan bahasa yang paling dekat di luar kandungan konteks. Hal ini hanya dapat dilakukan pada tahap awal penterjemahan dan digunakan apabila kedua-dua bahasa memiliki padanan yang sama.

- *Contoh: The book is on the table. - Buku itu di atas meja*

4.2.3 *Penterjemahan Setia*

Menghasilkan makna kontekstual yang tepat pada teks sumber dengan keterbatasan struktur tatabahasa teks sasaran. Biasa digunakan dalam penterjemahan teks undang-undang.

- *Contoh: Born without arms, he was sent to special schools. - Lahir tanpa lengan, dia dikirim ke sekolah khusus. (Kerana dilahirkan tanpa lengan, dia bersekolah di sekolah khusus)*

4.2.4 *Penterjemahan Semantik*

Lebih menitikberatkan nilai keindahan dan kewajaran. Perkataan yang bersifat budaya diterjemahkan dengan perkataan yang neutral.

- *Contoh: He's a book-worm. - Dia adalah orang yang suka membaca*

4.2.5 *Penterjemahan Bebas*

Berorientasi pada pembaca sasaran. Isi diutamakan, tetapi bentuk dikorbankan supaya pembaca mudah memahami teks.

- *Contoh: Judul berita - Stephen Hawking warns over making contact with aliens - Hawking: Jangan hubungi mahluk asing*

4.2.6 *Penterjemahan Idiomatik*

Menyampaikan mesej yang terkandung dalam bahasa sumber dengan menggunakan bentuk kolokial dan idiomatik bahasa sasaran yang tidak terdapat dalam budaya bahasa sumber.

- *Contoh: How can I save my face? - Di mana mahu diletaknya mukaku ini?*

4.2.7 *Penterjemahan Komunikatif*

Menyampaikan makna kontekstual yang tepat dari teks sumber supaya isi dan bahasanya dapat difahami oleh pembaca sasaran. Penterjemahan ini mengutamakan pembaca dan tujuan penterjemahan.

- *Contoh: Cheerios (makanan) - Bijirin sarapan pagi*

4.3 Sumber Rujukan Penterjemahan

Guna sumber rujukan seperti *Kamus Dewan, Tatabahasa Dewan, Gaya Dewan, Buku Pedoman Umum Pembentukan Istilah, Kamus Oxford Advanced Learner's Dictionary (OALD), Kamus Oxford Dictionary of English (OED), Kamus Inggeris - Bahasa Melayu Dewan, Kamus Bahasa Melayu - Inggeris Dewan, Buku Istilah Perubatan, Glosari Sains Kesihatan, Istilah Farmasi, Glosari Perubatan Umum dan Buku Teori dan Teknik Terjemahan.*

Rujukan secara dalam talian juga boleh digunakan seperti laman web Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php, <http://prpm.dbp.gov.my> dan perisian Dewan Eja Pro.

5. Keaslian dan Kaedah Rujukan

Semua artikel dalam portal hendaklah yang asli dan ditulis sendiri oleh penulis. Pengurusan portal ini tidak akan menerima sebarang tulisan yang mempunyai unsur-unsur plagiarisme. Jika dikesan terdapat elemen plagiarisme ini, pihak pengurusan portal berhak untuk menolak artikel tersebut.


Sekiranya penulis ingin mengambil hasil penulisan/gambar/ilustrasi daripada penulisan orang lain, penulis perlu membuat rujukan kepada artikel asal. Terdapat pelbagai kaedah rujukan yang boleh digunakan antaranya termasuklah *APA style, MLA style, The Chicago Manual of Style, Bluebook, ASA style, Harvard referencing, dan Vancouver system.* Untuk tujuan penyeragaman, kaedah rujukan APA akan digunakan untuk portal MyHEALTH. Sila rujuk Lampiran 2.

6. Kredibiliti Penulis, Penterjemah dan Akreditor

- a) Penulis/Penterjemah/Akreditor topik kesihatan perlu mempunyai sekurang-kurangnya ijazah sarjana atau berkelulusan pakar bagi disiplin yang berkaitan dengan kandungan yang disumbangkan dan diperakui oleh Jawatankuasa Editorial.
- b) Pegawai perubatan, ahli sains kesihatan bersekutu dan anggota paramedik perlu mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dan kelayakan dalam bidang berkaitan dengan kandungan yang ditulis, diterjemah dan disemak.
- c) Kakitangan kerajaan perlu mengemukakan satu persetujuan bertulis daripada Ketua Jabatan dan/atau universiti masing-masing yang membenarkan mereka menulis/menterjemah/menyemak kandungan.
- d) Jawatankuasa Editorial boleh melantik penulis/penterjemah/akreditor daripada pelbagai sektor mengikut bidang kepakaran dalam bidang kesihatan dan tidak khusus kepada kakitangan kerajaan sahaja.
- e) Penulis-penulis perlu mengikut semua garis panduan yang telah ditetapkan dalam menulis kandungan.
- f) Tugas menulis kandungan/menterjemah/akreditasi bukan merupakan tugas rasmi serta tidak menjejaskan tugas rasmi pegawai.
- g) Kelulusan pemilihan penulis/penterjemah/akreditor adalah tertakluk pada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Editorial.

7. Pengurusan Kualiti Portal MyHEALTH

Carta Organisasi Portal MyHEALTH



7.1 Jawatankuasa Editorial

Ahli-ahli Jawatankuasa Editorial adalah seperti di Lampiran 3.

Peranan dan bidang tugas ahli jawatankuasa adalah untuk:

- Menggubal dasar dan strategi penyampaian perkhidmatan portal MyHEALTH.
- Mencadangkan strategi bagi penambahbaikan berterusan untuk memastikan akses optimum portal.
- Mewujudkan piawaian penilaian dan garis panduan kualiti (*quality assessment standards and guidelines*).
- Mengenal pasti, memantau dan menapis topik untuk dimuatkan ke dalam portal.
- Mengenal pasti, mengesahkan dan melantik penulis, penterjemah dan akreditor.
- Memastikan semua maklumat dan fakta hasil penulisan adalah tepat, relevan dan tidak bercanggah dengan dasar Kementerian Kesihatan Malaysia serta piawaian amalan perubatan/kesihatan, serta memantau kredibiliti kualiti hasil penulisan berdasarkan subdisiplin kepakaran masing-masing.

- g) Memantau maklumat kesihatan yang digunakan serta memantau kualiti kandungan dan perkhidmatan yang disediakan dalam portal.
- h) Mengesahkan dan meluluskan kesemua kandungan portal sebelum dimuat naik ke dalam portal.
- i) Mengenal pasti jumlah sebenar bayaran tuntutan hasil penulisan, hasil penterjemahan dan hasil penyemakan (akreditasi) bagi setiap kandungan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa.
- j) Memantau pembangunan perkhidmatan baharu portal.
- k) Memantau perolehan kandungan.
- l) Memantau prestasi portal dan keberkesanan pelaksanaan MyHEALTH.
- m) Meluluskan reka bentuk portal (reka letak, *look & feel*).

7.2 Kumpulan Pakar

Kumpulan Pakar bertanggungjawab menjawab soalan yang diterima melalui perkhidmatan Tanya Pakar mengikut ketetapan masa yang telah ditetapkan.

7.3 Jawatankuasa Pelaksana Portal MyHEALTH

Ahli Jawatankuasa Pelaksana Portal MyHEALTH adalah seperti di Lampiran 4.

Peranan dan bidang tugas ahli jawatankuasa ini adalah untuk:

- a) Memantau penyelenggaraan dan operasi portal MyHEALTH.
- b) Memantau pengurusan dan perkembangan projek MyHEALTH.
- c) Memastikan syarikat yang dilantik menyelenggarakan portal MyHEALTH serta mematuhi kontrak penyelenggaraan (pematuhan SLA).
- d) Memantau penyelenggaraan teknikal perkakasan, perisian, aplikasi dan operasi portal.
- e) Memantau sokongan teknikal dalaman KKM.

7.4 Unit Health Online (UHO)

Ahli Unit Health Online adalah seperti di Lampiran 5.

Peranan dan bidang tugas Unit Health Online adalah untuk:

- a) Terlibat dalam perancangan, pembangunan, penyelenggaraan dan pengoperasian portal (seperti modal insan dan kewangan).
- b) Melaksanakan dan mematuhi polisi serta strategi yang telah digariskan oleh Jawatankuasa Editorial, Jawatankuasa Pemandu ICT, Kementerian Kesihatan Malaysia dan MAMPU.
- c) Bertanggungjawab terhadap perolehan kandungan portal seperti mengurus pelantikan penulis, pelantikan akreditor dan pelantikan penterjemah.
- d) Bertanggungjawab terhadap pengemaskinian portal MyHEALTH.
- e) Mengurus pembayaran kepada penulis, akreditor dan penterjemah kandungan.
- f) Melaksanakan promosi portal MyHEALTH.
- g) Mengurus perkhidmatan dalam talian portal MyHEALTH seperti Tanya Pakar, penilaian risiko kesihatan dan lain-lain.
- h) Bertanggungjawab mengenal pasti berita, artikel dan isu semasa untuk dimuatkan dalam portal.
- i) Memantau akses portal bagi mengurangkan waktu *downtime*.
- j) Mengurus dokumentasi portal MyHEALTH.
- k) Bertanggungjawab menjalankan penilaian keberkesanan portal MyHEALTH melalui kajian atau *survey*.
- l) Mewujudkan kerjasama dan menggalakkan penglibatan pelbagai sektor kerajaan atau badan bukan kerajaan atau sektor swasta dalam perkongsian maklumat melalui portal.
- m) Menggalakkan integrasi pelbagai perkhidmatan dalam portal daripada pelbagai saluran maklumat (pautan).
- n) Sentiasa peka dengan teknologi IT semasa dan memberikan cadangan kepada Jawatankuasa Editorial untuk penambahbaikan kualiti penyampaian portal.
- o) Bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Editorial dan ahli Pasukan Kerja Portal MyHEALTH.

8. Peranan dan Bidang Tugas Penulis, Penterjemah dan Akreditor

Penulis, penterjemah dan akreditor dilantik oleh Jawatankuasa Editorial Portal MyHEALTH. Peranan dan tanggungjawab adalah seperti yang berikut:

8.1 Penulis

- a) Mempunyai pengetahuan dalam topik yang ingin ditulis.
- b) Membuat penyelidikan dalam perkara atau tajuk yang berkaitan bagi memastikan kandungan tersebut sentiasa terkini.
- c) Menganalisis, mengumpul dan menghasilkan artikel yang asli dengan menggunakan bibliografi atau rujukan yang digunakan.
- d) Berunding dengan pakar-pakar yang sesuai, berkeelayakan dan berpengetahuan dalam bidang berkaitan bagi memastikan kandungan-kandungan yang ditulis sesuai untuk khalayak pembaca.
- e) Memastikan kandungan setara dengan amalan perubatan yang terbaik.
- f) Mencari dan mendapatkan kelulusan bagi sebarang maklumat daripada pihak berkaitan.
- g) Menjelaskan isu-isu Hak Milik Intelektual (*Intellectual Property Rights-IPR*) yang mungkin timbul secara bertulis dan memastikan bahawa tidak berlaku plagiarisme terhadap artikel-artikel tersebut.
- h) Penulis perlu mengesahkan setiap kandungan, memberikan nama penuh dan kelayakan (sila rujuk Profil dan Surat Akuan Pengesahan Hasil Penulisan (topik baharu atau semakan) pada Lampiran 6 dan 7).
- i) Penulis kandungan boleh melampirkan gambar, imej, ilustrasi, animasi, pita video atau gambar rajah untuk mengukuhkan kandungan tersebut. Sila rujuk Perkara 3.9.
- j) Penulis digalakkan mengikut Format Penulisan Kandungan yang telah ditetapkan seperti di Lampiran 8 sebagai panduan untuk menulis.
- k) Menyediakan biografi ringkas untuk dimuat naik ke portal bagi meningkatkan kredibiliti dan kebolehpercayaan pembaca terhadap kandungan portal MyHEALTH. Format biografi adalah seperti di Lampiran 9.
- l) Menyediakan sekurang-kurangnya tiga (3) soalan kuiz berdasarkan kandungan yang ditulis. Format kuiz adalah seperti di Lampiran 10.

8.2 Penterjemah


- a) Tidak membuat terjemahan secara terus.
- b) Memastikan kandungan mudah difahami oleh khalayak pembaca.
- c) Sekiranya terdapat istilah teknikal digunakan, terjemahan hanya dilakukan apabila perlu.
- d) Menyatakan sumber rujukan dengan jelas.
- e) Memastikan kandungan diterjemahkan dengan tepat, tersusun dan menepati fakta atau data dan tidak lari daripada maksud asal.
- f) Menggunakan bahasa yang jelas dan mudah difahami.

8.3 Akreditor

- a) Memastikan kandungan tidak bercanggah dengan dasar dan perkhidmatan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- b) Memastikan kandungan menepati fakta dan terkini. Maklumat dan data tersusun.
- c) Mengesahkan fakta dalam kandungan dan membuat pembedaan, sekiranya perlu.

9. Carta Aliran dan Proses Kerja Pemantauan Kualiti Kandungan

9.1 Carta Aliran Pemantauan Kualiti Kandungan



9.2 Proses Kerja Pemantauan Kualiti Kandungan

Langkah 1 Menenal Pasti Topik

- a) Ketua Program dan Ahli Jawatankuasa Editorial akan menenal pasti topik untuk disediakan dalam portal.
- b) Jawatankuasa Editorial akan mengesahkan dan meluluskan topik.
- c) Pemilihan topik perlu diberi keutamaan berdasarkan soalan-soalan daripada perkhidmatan soalan lazim, isu semasa, kejadian wabak ataupun atas permintaan pembaca.

Langkah 2 Menenal Pasti Penulis, Penterjemah dan Akreditor

- a) Jawatankuasa Editorial akan menenal pasti penulis, penterjemah dan akreditor untuk topik yang telah dipilih.
- b) Jawatankuasa Editorial juga bertanggungjawab melantik penulis, penterjemah dan akreditor berdasarkan topik dan cadangan yang telah dikenal pasti oleh Ketua Program.

Langkah 3 Membangunkan Kandungan

- a) Penulis kandungan yang telah dilantik akan menulis kandungan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Editorial mengikut format kandungan penulisan.
- b) Penulis juga perlu memasukkan elemen audiovisual, sekiranya ada. Setiap data dan fakta yang dimasukkan dalam hasil penulisan mestilah tepat, relevan dan sesuai dengan khalayak pembaca.
- c) Setiap hasil penulisan akan melalui proses penterjemahan oleh penterjemah yang dilantik. Hasil terjemahan juga mesti mengikut gaya penulisan yang telah ditetapkan.

Langkah 4 Menyemak Hasil Penulisan dan Hasil Terjemahan

- a) Setiap hasil penulisan dan hasil terjemahan akan disemak oleh akreditor yang telah dilantik.
- b) Semakan ini adalah untuk memastikan maklumat yang diberikan adalah benar dan tidak melanggar mana-mana peraturan dan dasar yang berkaitan dengan topik yang telah ditulis atau diterjemahkan.

Langkah 5 Meluluskan Hasil Penulisan dan Hasil Terjemahan


- a) Hasil penulisan dan terjemahan yang telah disemak akan disunting dan dibetulkan oleh Unit Health Online.
- b) Unit Health Online selaku urus setia akan mengemukakan semua hasil penulisan dan hasil terjemahan kepada Jawatankuasa Editorial untuk kelulusan.

Langkah 6 Memuat Naik Kandungan ke Dalam Portal

Kandungan yang telah diluluskan akan dimuat naik ke dalam portal.

10. Carta Aliran dan Proses Kerja Perolehan Kandungan

10.1 Carta Aliran Perolehan Kandungan



10.2 Proses Kerja Perolehan Kandungan

Langkah 1 Melantik Penulis atau Penterjemah atau Akreditor

- a) Ahli Jawatankuasa Editorial akan mengesahkan dan melantik penulis atau penterjemah atau akreditor portal MyHEALTH
- b) Unit Health Online akan menguruskan surat pelantikan.
- c) Surat pelantikan ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Editorial Portal MyHEALTH.

Langkah 2 Menulis atau Menterjemah

- a) Penulis atau penterjemah yang dilantik akan memulakan penulisan atau penterjemahan. Tempoh yang diberikan adalah satu (1) hingga tiga (3) bulan.
- b) Hasil penulisan atau hasil terjemahan yang telah siap diserahkan kepada Unit Health Online.

Langkah 3 Menerima dan Membetulkan Hasil Penulisan atau Hasil Terjemahan

- a) Pegawai di Unit Health Online akan menerima, menyemak dan membetulkan hasil penulisan atau hasil terjemahan khususnya berkaitan dengan susun atur, ejaan, tatabahasa dan sebagainya.
- b) Setelah semakan dan pembetulan pada kandungan dibuat, Pegawai di Unit Health Online akan mengurus lantikan akreditor.

Langkah 4 Menyemak Hasil Penulisan atau Terjemahan dan Menyerahkan Hasil Semakan kepada UHO

- a) Akreditor yang dilantik perlu menyemak hasil penulisan atau hasil terjemahan dalam tempoh satu (1) hingga tiga (3) bulan. Sila rujuk Perkara 8.3.
- b) Hasil semakan perlu diserahkan kepada Unit Health Online sama ada dalam bentuk salinan lembut (*soft copy*) atau bercetak (*hard copy*).

Langkah 5 Menerima Hasil Semakan. Menyunting dan Membuat Pembetulan

- a) Unit Health Online menerima hasil semakan daripada akreditor.
- b) Perubahan pada hasil semakan akan disunting dan dibetulkan.
- c) Menyerahkan hasil semakan dan borang pengesahan isi kandungan untuk disahkan Jawatankuasa Editorial.

Langkah 6 Mengesahkan dan Meluluskan Hasil Penulisan dan Terjemahan yang Telah Disemak


- a) Wakil Jawatankuasa Editorial akan mengesahkan dan meluluskan hasil penulisan dan hasil terjemahan yang telah disemak oleh akreditor. Rujuk Perkara 7.1.
- b) Menandatangani Borang Pengesahan kandungan dan menyerahkannya semula kepada Unit Health Online.

Langkah 7 Memuat Naik ke dalam Portal MyHEALTH

- a) Menerima kandungan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Editorial.
- b) Menukar format kandungan kepada format HTML.
- c) Memuat naik ke dalam portal melalui *Content Management System (CMS) Joomla*.

11. Carta Aliran dan Proses Kerja Mengemas Kini Kandungan

11.1 Carta Aliran Mengemas Kini Kandungan



11.2 Proses Kerja Mengemas Kini Kandungan

Langkah 1 Menenal Pasti Kandungan untuk dikemaskinikan

- a) Proses mengemas kini kandungan akan dilakukan sekali (1) dalam tempoh dua (2) tahun atau apabila perlu. Rujuk Perkara 3.10.
- b) Unit Health Online akan menenal pasti topik kesihatan yang telah melebihi tempoh untuk dikemas kini.
- c) Menyerahkan senarai tersebut kepada Jawatankuasa Editorial.

Langkah 2 Mengesahkan Kandungan yang Perlu dikemaskinikan

- a) Jawatankuasa Editorial akan mengesahkan kandungan.
- b) Unit Health Online akan melantik semula penulis asal untuk mengemas kini kandungan.

Langkah 3 Mengemaskinikan Kandungan

- a) Penulis asal yang dilantik akan menyemak dan mengemaskinikan kandungan meliputi tambahan fakta dan susunan ayat.
- b) Kandungan yang telah dikemas kini dan borang pengesahan kemas kini kandungan diserahkan kepada Unit Health Online.

Langkah 4 Membuat Suntingan dan Pembedulan

- a) Unit Health Online akan membuat suntingan dan pembedulan kepada perubahan yang dibetulkan oleh penulis, sekiranya ada.
- b) Mengeluarkan surat lantikan kepada akreditor.
- c) Menyerahkan kandungan yang telah dikemas kini dan surat lantikan kepada akreditor.

Langkah 5 Menyemak Kandungan yang Telah dikemaskinikan

- a) Akreditor menyemak kandungan yang telah dikemas kini oleh penulis.
- b) Menyerahkan hasil semakan dan borang pengesahan hasil semakan kepada Unit Health Online.

Langkah 6 Membuat Suntingan dan Pembetulan

- a) Unit Health Online menerima hasil semakan daripada akreditor dalam format salinan lembut dan cetakan.
- b) Menyunting dan membetulkan perubahan yang telah dibetulkan oleh akreditor, sekiranya ada.
- c) Menyediakan dokumen yang lengkap dan menyerahkan kepada Jawatankuasa Editorial untuk kelulusan.

Langkah 7 Mengesahkan dan Meluluskan Kandungan

- a) Jawatankuasa Editorial mengesah dan meluluskan kandungan yang telah dikemas kini.
- b) Menandatangani borang pengesahan kandungan dan menyerahkan kepada Unit Health Online.

Langkah 8 Memuat Naik Kandungan ke Dalam Portal MyHEALTH

- a) Menerima kandungan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Editorial.
- b) Menukar format kandungan kepada format HTML.
- c) Memuat naik ke dalam portal melalui *Content Management System (CMS) Joomla*.

12. Kelulusan dan Kadar Bayaran Sagu Hati Penulis, Penterjemah dan Akreditor

12.1 Surat Permohonan kadar bayaran sagu hati bagi penulis, akreditor dan penterjemah kandungan portal MyHEALTH.

(Surat Rujukan KK/BP 10/79/6 Jld.6 (sk.2/2006)(3)) dan kelulusan pindaan kadar bayaran (Surat Rujukan KK/BP/DS10/79/6 Jld. 15(SK.1/2011)(4)) pada 14 Disember 2011 kepada:

- a) Penulis
- b) Penterjemah
- c) Akreditor

12.2 Kadar Pembayaran sagu hati kepada penulis:

- a) RM100-RM300 satu artikel (minimum tiga (3) muka surat) **termasuk** ilustrasi atau gambar
- b) Pembayaran sebenar ditetapkan oleh JK Editorial (dalam lingkungan RM100-RM300)

12.3 Kadar Pembayaran sagu hati kepada penterjemah:

- a) Terjemahan 15 sen satu (1) patah perkataan
